



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
BAHAGIAN HAB HALAL**

---

**PEKELILING PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2018**

---

**PERLAKSANAAN SKIM PENGILANGAN KONTRAK/  
ORIGINAL EQUIPMENT MANUFACTURER (OEM)**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan pelaksanaan Skim Pengilangan Kontrak/ *Original Equipment Manufacturer* (OEM) dalam Pensijilan Halal Malaysia.

**LATARBELAKANG**

2. Pensijilan Halal Malaysia Skim Pengilangan Kontrak/ (OEM) adalah satu usaha peluasan skim di bawah Pensijilan Halal Malaysia. Ini bertujuan menambahbaik dan memperkemas sistem pensijilan halal yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

3. Skim Pengilangan Kontrak/ (OEM) menjelaskan bahawa syarikat/ pengilang yang menjalankan khidmat pengilangan kepada syarikat lain boleh memohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi perkhidmatan yang disediakan meskipun tidak mengeluarkan produk/ jenama milik syarikat sendiri.

4. Skim ini diwujudkan bagi memastikan seluruh rangkaian penghasilan produk atau perkhidmatan menepati piawaian halal dan bersesuaian dengan konsep *halalan toyyiba*. Syarikat/ pemohon di bawah skim ini perlu membangunkan satu sistem

kawalan halal dalaman yang terancang dan didokumentasikan beserta rekod-rekod kawalan.

## PELAKSANAAN

5. Semua syarikat/ pengilang hendaklah memohon SPHM di bawah Skim Pengilangan Kontrak/ (OEM) sebelum layak menjalankan pengilangan kontrak bagi syarikat lain.
6. Semua syarikat pemilik jenama (*brand owner*) hendaklah memastikan pengilang yang dilantik memiliki SPHM di bawah Skim Pengilangan Kontrak/ (OEM) sebelum membuat permohonan SPHM bagi produk syarikat.
7. Syarikat/ pengilang yang berjaya memiliki SPHM di bawah Skim Pengilangan Kontrak/ (OEM) adalah tidak dibenarkan menggunakan logo halal Malaysia pada produk yang dihasilkan kecuali produk tersebut mempunyai SPHM mengikut skim produk berkenaan.

## TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa **SERTA MERTA** dan semua pihak yang terlibat dalam Pensijilan Halal Malaysia perlu mematuhi serta mengambil maklum berkenaan pelaksanaan pekeliling ini.
9. Pekeliling ini diterbitkan berdasarkan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.



**(DATUK MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM)**

Ketua Pengarah,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

4 September 2018